

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2014**

**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keluasan (dalam ekar) bank tanah JKP Sdn.Bhd. (JKPSB) dan perincian projek-projek pembangunan perumahan dan ruang niaga yang telah dilaksanakan oleh JKP di Pulau Pinang semenjak tahun 1999 sehingga April 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga April 2014, JKP Sdn.

Bhd. (JKPSB) mempunyai tanah yang belum dibangunkan seluas **580.186 ekar** yang meliputi **24.352 ekar** di daerah Barat Daya, **0.54 ekar** di daerah Timur Laut , **70.64 ekar** di daerah Seberang Perai Utara, **199.59 ekar** di daerah Seberang Perai Tengah dan **285.064 ekar** di daerah Seberang Perai Selatan.

Bagi projek pembangunan perumahan, sehingga April 2014, JKPSB telah membangunkan **12 projek perumahan** yang telah **siap dibina** melibatkan **9,236 unit kediaman** dan **6 projek perumahan dalam pelaksanaan** yang melibatkan **1,529 unit kediaman**.

Manakala bagi ruang niaga, sehingga April 2014, JKPSB telah membangunkan **18 premis ruang niaga** yang merangkumi **401 unit lot kedai** dan **219 unit komersial rumah kedai** yang telah siap dibina.